

12 JUN 2001

PEG-MAHATHIR

DR MAHATHIR LANCAR INICIATIF TENAGA BERSIH PEG

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan Inisiatif Tenaga Bersih Perkongsian bagi Pertumbuhan Saksama (PEG), pada mesyuarat Mejabulat Kuala Lumpur.

Pada majlis pelancaran itu, ketua pegawai eksekutif PEG, Dr Shafiq Abdullah menyerahkan Laporan PEG 2001 mengenai Sistem Inisiatif Tenaga Bersih dan Sokongan Infrastruktur kepada Dr Mahathir, yang juga merupakan patron PEG.

Dalam mesyuarat tertutup meja bulat itu, Dr Mahathir telah mengadakan perbincangan dengan para perwakilan dari syarikat-syarikat minyak terkemuka, BP dan Shell, di samping syarikat-syarikat minyak milik negara, Petroliam Nasional Bhd dan Lembaga Petroleum, Thailand.

"Perbincangan yang diadakan cukup baik. Perdana Menteri (Dr Mahathir) telah menggariskan kepentingan tenaga yang bersih dan ide yang kita patut cuba memaksimumkan kecekapan bagaimana untuk menggunakan tenaga dan cuba beralih jauh daripada menggunakan minyak yang lebih kotor berbanding dengan gas dan lain-lain bentuk tenaga seperti elektrik hidro dan solar," kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat berkenaan.

Ketika berlangsungnya mesyuarat itu, wakil-wakil syarikat minyak turut memberi maklum balas kepada saranan-saranan Dr Mahathir dan sama-sama memberi pendapat bagaimana mereka boleh bekerjasama untuk faedah bersama, tambah beliau.

Dr Shafiq berkata: "Kami berharap mesyuarat Mejabulat KL akan menangani beberapa isu utama dalam usaha mendapatkan satu rumusan khusus untuk dibentangkan pada Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Shanghai pada tahun 2001.

"Ini termasuklah perbincangan mengenai Grid Gas Asia dan saluran ASEAN Gas sebagai usaha menyalurkan tenaga bersih dalam bentuk gas asli," kata beliau.

PEG merupakan sebuah pertumbuhan bukan mencari untung APEC yang diperbadankan di Kuala Lumpur untuk membantu anggota-anggotanya menyiapkan diri untuk menghadapi kesan liberalisasi dan globalisasi. -- BERNAMA

MK KTC AA